



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada **Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai tender seperti berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	TARAF	TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL, TARIKH TUTUP TENDER & NO. PETI TENDER	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL & TEMPAT TUTUP TENDER	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)	BAYARAN DOKUMEN
UTM.B25 /2023	UTM- PENGGANTIAN SISTEM HAWA DINGIN BERPUSAT DI BLOK N22, INSTITUT PEMBANGUNAN BIOPRODUK, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR	TERBUKA	Tarikh Pamer Naskhah Meja : 28 Ogos 2023 (Isnin) Tarikh Jual Tender : 28 Ogos 2023 hingga 20 September 2023 Tarikh Tutup Tender: 28 September 2023 No. Peti Tender : Dua (2)	Waktu pejabat : Ahad - Rabu 8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.15 petang - 4.30 petang Khamis 8.15 pagi – 12.30 tengahari 2.15 petang – 3.00 petang Tempat Jual & Tutup Tender : Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Johor Bahru, Johor	LPIPM Gred : G4 (Kontraktor berdaftar dengan CIDB) Kategori : ME – Mekanikal & Elektrikal Pengkhususan : M01 – Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara	RM150.00 senaskhah *Sila Gunakan Pembayaran atas talian di laman web ecommercev2.utm.my / Deraf Bank sahaja (Tidak akan dikembalikan) atas nama Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia

2. Dokumen Tawaran boleh didapati di Unit Kontrak dan Perolehan dengan mengemukakan bayaran secara **atas talian melalui pautan <https://ecommercev2.utm.my/>** dengan memilih **(CODE UTM0996)** atau **Deraf Bank sahaja** (tidak dikembalikan) atas nama **Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia**. Kontraktor hendaklah membawa bersama **Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing bersama Salinan Penyata KWSP, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta satu set Salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.**

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti tender **No. (2) di Unit Kontrak dan Perolehan, Seksyen Projek Dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Johor Bahru, Johor** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

Iklan tender UTM juga boleh dilihat dipautan :

- i) <https://ecommerce.utm.my/etender>
- ii) <https://myprocurement.treasury.gov.my/>
- iii) <http://eiklan.cidb.gov.my/>
- iv) <https://dvcdev.utm.my/spp/>